

ANGGOTA APMM merampas bubu naga di kawasan perairan Kuala Kedah dan Yan.



## Jejak lokasi baharu pasang bubu naga

HM 15/7/2022 MS120

**Alor Setar:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Kedah mengesan beberapa lokasi baharu disyaki menjadi *port* pemasangan bubu naga untuk penangkapan ikan secara haram di sekitar perairan Kuala Kedah dan Yan.

*Port* itu dikesan berikutan penemuan pancang penanda yang dipasang pada setiap bubu naga berukuran lebih kurang 10 meter panjang di beberapa lokasi berbeza sepanjang perairan bagi mengelak dari bubu naga itu dirampas pihak berkuasa.

Bagaimanapun, perbuatan itu berjaya dihidu pihak berkuasa sebelum merampas 32 set bubu kambang atau bubu naga (*China prawn net trap*) di sekitar dua kawasan berkenaan dalam tempoh dua hari pada Isnin dan Selasa lalu.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kedah, Komander Maritim Noor Azreyanti Is-hak mengesahkan perkara itu dan berkata, peralatan bubu naga itu dirampas

anggotanya dalam operasi Op Aman yang dilakukan itu.

Beliau berkata, 17 set bubu naga berjaya dirampas pada 11 Julai lalu di sekitar kawasan perairan Tebengau manakala 15 set lagi dirampas pada 12 Julai lalu di kedudukan 0.5 batu nautika perairan Kuala Dulang.

“Sepanjang operasi pemantauan dilakukan, beberapa lokasi baharu dikenal pasti melalui penemuan pancang penanda yang dipasang pada setiap bubu naga berukuran lebih kurang 10 meter panjang di beberapa lokasi berbeza sepanjang perairan kawasan itu.

“Penggunaan bubu naga ini hanya akan menjejaskan ekosistem spesies ikan kecil di dasar laut.

“Semua bubu naga berkenaan dirampas dan dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kedah untuk disiasat mengikut Seksyen 11(3)(c), Akta Perikanan 1985,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, semalam.